



اَوْبَهُوْ سَبِيْقِيْ تَتِيْكُمْ اَوْ يَكُنْ مَبَادِرًا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN LESTARI SDGTriangle@UiTM

Institut Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (IRMI)

Universiti Teknologi MARA
Aras 3, Bangunan Wawasan
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
Tel : (+603) 5544 8281/8278/8255/8252
Faks : (+603) 5544 8280



Institute of Research Management
& Innovation

Communities of Research



SENARAI KANDUNGAN

KANDUNGAN	M/S
Visi Dan Misi Universiti Teknologi MARA	3
Geran Penyelidikan Lestari SDGTriangle@UiTM	
1.0 Pengenalan	4
2.0 Tema Penyelidikan	5
3.0 Jumlah Peruntukan & Jangka Masa Projek	8
4.0 Syarat-Syarat Permohonan	8
5.0 Peraturan Kewangan	8
6.0 Peraturan Permohonan	9
7.0 Penilaian Geran	9
8.0 Pemantauan Penyelidikan	10
9.0 Etika Dan Kerahsiaan	10
10.0 Hasil Pencapaian Penyelidikan	10

**VISI DAN MISI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

VISI

Menjadikan UiTM sebuah universiti unggul yang berteraskan kesarjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika.

MISI

Mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program profesional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
GERAN PENYELIDIKAN LESTARI SDGTriangle@UiTM

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Geran Penyelidikan Lestari SDGTriangle@UiTM diperkenalkan untuk menyokong Agenda Pembangunan Lestari 2030 melalui 17 Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals – SDGs) yang diperkenalkan pada September 2015.
- 1.2 Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengambil peluang dalam menjuarai agenda penyelidikan yang mengintegrasikan matlamat pembangunan lestari seiring dengan agenda UiTM, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), negara dan antarabangsa.
- 1.3 Geran ini bertujuan untuk mempertingkatkan aktiviti penyelidikan berfokuskan kepada tiga (3) dimensi pembangunan lestari iaitu pembangunan ekonomi, kelestarian alam sekitar dan keterangkuman sosial.
- 1.4 Projek penyelidikan dibawah Geran Penyelidikan Lestari SDGTriangle@UiTM ini merangkumi di sekitar kawasan empat (4) lokasi utama membentuk satu segitiga (triangle) yang telah dikenalpasti sebagai inisiatif strategik UiTM di dalam menjuarai pembangunan lestari. Empat lokasi tersebut adalah seperti di dalam Rajah 1 iaitu:
 - i. Taman Negara Pahang
 - ii. Taman Negara Ledang
 - iii. Taman Negeri Royal Belum
 - iv. Pulau Tuba, Langkawi.



Rajah 1 : Lokasi Penyelidikan SDGTriangle@UiTM

2.0 TEMA PENYELIDIKAN

Setiap kertas cadangan permohonan Geran Penyelidikan Lestari SDGTriangle@UiTM mestilah selari dengan pemetaan 17 Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) mengikut tema penyelidikan dan kepakaran UiTM seperti di dalam Jadual 1.

Jadual 1: Pemetaan 17 Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) mengikut tema penyelidikan

Bil.	Matlamat (SDGs)	Penerangan	Tema Penyelidikan
1.	Tiada kemiskinan (<i>No poverty</i>)	Mengakhiri semua bentuk kemiskinan di mana sahaja	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan mobiliti sosial (<i>uplifting social mobility</i>)
2.	Kelaparan sifar (<i>Zero hunger</i>)	Mengakhiri kelaparan, mencapai keselamatan makanan dan meningkatkan nutrisi	<ul style="list-style-type: none"> Taman penyelidikan dalam komuniti (<i>research garden in the community</i>) (SDG3 &11)
3.	Kesihatan dan kesejahteraan yang baik (<i>Good health and well-being</i>)	Memastikan kehidupan yang sihat dan meningkatkan kesejahteraan di setiap peringkat umur	<ul style="list-style-type: none"> Pendidikan dan kesedaran (<i>education and awareness</i>) (SDG4) Keselamatan makanan (<i>food security</i>) (SDG2)

4.	Pendidikan berkualiti (<i>Quality education</i>)	Memastikan kualiti pendidikan yang terangkum dan sama rata, serta meningkatkan peluang pendidikan sepanjang hayat kepada semua	
5.	Kesaksamaan jantina (<i>Gender equality</i>)	Mencapai kesaksamaan jantina dan memperkasakan semua wanita dan kanak-kanak perempuan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pemerksaan wanita dan masyarakat (<i>Community and women empowerment</i>) (SDG3, 5 & 10)
6.	Kebersihan air dan sanitasi (<i>Clean water and sanitation</i>)	Memastikan ketersediaan dan pengurusan air dan sanitasi yang Lestari untuk semua	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kehidupan lestari (<i>sustainable living</i>) ▪ Kualiti hidup (<i>quality of life</i>) ▪ Tenaga kerja yang sihat (<i>healthy workforce</i>) ▪ Ekonomi Lestari (<i>sustainable economy</i>) ▪ Kebahagiaan dan kesejahteraan (<i>happiness and wellbeing</i>) ▪ Teknologi hijau (<i>green technology</i>) ▪ Teknologi bersih (<i>clean technology</i>) ▪ Kitar semula (<i>recycling</i>) ▪ <i>Cradle to grave</i> ▪ Sisa kepada kekayaan (<i>waste to wealth</i>)
7.	Tenaga yang berpatutan dan bersih (<i>Affordable and clean energy</i>)	Meningkatkan akses terhadap tenaga yang berpatutan, Lestari dan moden untuk semua	
8.	Pertumbuhan pekerjaan dan pembangunan ekonomi (<i>Decent work and economic growth</i>)	Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang Lestari dan meningkatkan peluang pekerjaan dan produktiviti	
9.	Industri, inovasi dan infrastruktur (<i>Industry, innovation and infrastructure</i>)	Membangunkan infrastruktur yang berdaya tahan, menggalakkan perindustrian yang terangkum dan Lestari serta memupuk inovasi	
10.	Mengurangkan ketidaksamaan (<i>Reduced inequality</i>)	Mengurangkan ketidaksamaan di dalam dan di antara negara	
11.	Komuniti dan bandar yang Lestari (<i>Sustainable cities and communities</i>)	Mewujudkan bandar dan penempatan yang terangkum, selamat, berdaya tahan dan Lestari	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kelestarian dan komuniti antarabangsa (<i>international sustainability and community</i>) ▪ Politik antarabangsa (<i>international politics</i>) ▪ Mengurangkan jurang antara luar bandar dan bandar (<i>narrowing gaps between rural and urban</i>) ▪ Penuaan penduduk (<i>ageing population</i>) ▪ Penangkutan hijau (<i>green transport</i>) ▪ Mengurangkan kesan karbon (<i>reducing carbon footprint</i>)

			<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pembangunan luar bandar (<i>rural development</i>) (SDG6, 1, 3, 10)
12.	Penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab (<i>Responsible consumption and production</i>)	Memastikan penggunaan dan paten pengeluaran yang Lestari	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Keselamatan makanan, sisa makanan (<i>food security, waste of food</i>) (SDG2, 7) ▪ Obesiti (<i>obesity</i>)
13.	Tindakan iklim (<i>Action climate</i>)	Mengambil tindakan segera dalam menangani kesan perubahan iklim	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengurangan karbon (<i>carbon reduction</i>) (SDG10)
14.	Kehidupan di dalam air (<i>Life below water</i>)	Memulihara dan menggunakan laut, pantai dan sumber marin secara Lestari	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Ekosistem marin dan akuatik (<i>marine and aquatic ecosystem</i>) ▪ Keselamatan makanan (<i>food security</i>)
15.	Kehidupan di atas darat (<i>Life on land</i>)	Melindungi, memulihara dan menggalakkan penggunaan ekosistem daratan yang Lestari, menguruskan perhutanan secara Lestari dan menangani penghakisan tanah	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Air bersih (<i>clean water</i>) ▪ Biodiversiti (<i>biodiversity</i>) ▪ Produk semulajadi (<i>natural products</i>) ▪ Pembangunan sosio-ekonomi (<i>socio-economic development</i>) ▪ Penglibatan masyarakat dalam pemuliharaan tanah dan air (<i>community participation in conservation of land and water</i>) ▪ Pendidikan-perlancongan (<i>edu-tourism</i>)
16.	Kesejahteraan, keadilan dan institusi yang kukuh (<i>Peace, justice and strong institution</i>)	Menggalakkan kesejahteraan masyarakat yang terangkum, menyediakan akses kepada keadilan dan membangunkan institusi yang efektif, bertanggungjawab dan terangkum di semua peringkat	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Undang-undang, akta, dasar dalam menangani pertindihan antara institusi (<i>law, legal, acts, policies addressing redundancy between institutions</i>)
17.	Perkongsian dalam mencapai matlamat (<i>Partnership to achieve the goals</i>)	Mengukuhkan kaedah pelaksanaan dan mewujudkan perkongsian global untuk pembangunan yang Lestari	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Berkaitan dengan semua SDGs

3.0 JUMLAH PERUNTUKAN & JANGKA MASA PROJEK

- 3.1 Jumlah peruntukan dan jangka masa projek Geran Penyelidikan Lestari SDGTriangle@UiTM adalah berjumlah maksimum RM 30,000.00 untuk bidang Sains dan Teknologi dan RM 15,000 untuk bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan bagi tempoh dua (2) tahun.

4.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Geran ini terbuka kepada staf akademik UiTM dengan syarat-syarat berikut: -

- 4.1 Ketua Penyelidik mestilah di kalangan staf akademik tetap / kontrak di UiTM Malaysia. Namun begitu penyelidik bersama, terbuka kepada gabungan staf akademik UiTM dan penyelidik luar.
- 4.2 Ketua Penyelidik mestilah aktif dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya enam (6) bulan pada tahun semasa dan berkecualan sekurang-kurangnya PhD atau setara.
- 4.3 Ketua Penyelidik yang cuti belajar perlu membuat pertukaran Ketua Penyelidik yang baru di kalangan penyelidik bersama projek tersebut.
- 4.4 Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama di kalangan staf UiTM mestilah menyumbang minimum sekurang-kurangnya RM 10.00 sebulan seorang kepada Tabung Amanah Penyelidikan dan Inovasi UiTM (TAPIU) sepanjang tempoh geran aktif dan bukti sumbangan mesti disertakan semasa permohonan.
- 4.5 Sumbangan kepada Tabung Amanah Penyelidikan dan Inovasi UiTM (TAPIU) dikecualikan sekiranya mempunyai projek perundingan aktif yang berdaftar dengan IRMI.
- 4.6 Setiap projek mesti mempunyai ahli penyelidik dua (2) hingga lima (5) orang termasuk Ketua Penyelidik.

5.0 PERATURAN KEWANGAN

- 5.1 Agihan perbelanjaan dan peruntukan geran tertakluk kepada pembahagian bajet sebanyak 60% pada tahun pertama dan baki 40% pada tahun kedua.
- 5.2 Perbelanjaan projek adalah dihadkan bagi vot-vot berikut:

Vot11000	Gaji untuk Pembantu Penyelidik (RA)
Vot21000	Perjalanan, penginapan dan pengangkutan
Vot24000	Sewaan
Vot27000	Bekalan dan Bahan Penyelidikan
Vot28000	Baik pulih kecil dan Ubahsuai
Vot29000	Perkhidmatan Ikhtisas
Vot35000	Aksesori dan Peralatan

- 5.3 Bayaran Pembantu Penyelidik (RA/GRA) tidak melebihi RM 1,500 sebulan bagi pelajar sarjana dan RM 1,800 sebulan bagi pelajar kedoktoran.
- 5.4 Pembantu penyelidik yang menerima biasiswa penuh (termasuk elaun sara hidup) adalah tidak layak untuk dilantik di bawah skim ini.
- 5.5 Permohonan pembantu penyelidik (RA/GRA) perlu dibuat melalui atas talian sistem iRMIs (<http://orchid.uitm.edu.my/irmis>).
- 5.6 Perjalanan ke luar negara perlu mendapat kelulusan IRMI tertakluk kepada peruntukan geran yang telah dipohon. Pembantu penyelidik hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan di dalam negara sahaja. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan UiTM
- 5.7 Hanya Ketua Penyelidik dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi perjalanan ke luar negara berdasarkan kriteria berikut:
- i) Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan (sekali sahaja) adalah bagi tujuan menghadiri persidangan/seminar/bengkel/ kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan sahaja.
 - ii) Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.

6.0 PERATURAN PERMOHONAN

- 6.1 Permohonan Geran Penyelidikan Lestari SDGTriangle@UiTM dibuat secara atas talian di laman web IRMI.
- 6.2 Bagi projek penyelidikan yang dibiayai oleh Geran Penyelidikan Lestari SDGTriangle@UiTM dan sumber lain, penyelidik mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut.

7.0 PENILAIAN GERAN

- 7.1 Permohonan Geran Penyelidikan Lestari SDGTriangle@UiTM akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik oleh Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI).
- 7.2 Surat kelulusan akan diedarkan oleh IRMI kepada ketua penyelidik dan salinan kepada penyelidik bersama Ketua Jabatan.
- 7.3 Penyelidik perlu mengisi dan menandatangani borang penerimaan yang disertakan dengan surat kelulusan sebelum memulakan penyelidikan.

8.0 PEMANTAUAN PENYELIDIKAN

- 8.1 Semua geran penyelidikan yang telah diluluskan akan dipantau oleh Institut Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (IRMI).
- 8.2 Penyelidik mesti menghantar laporan kemajuan pada setiap enam (6) bulan secara atas talian di dalam sistem iRMIs dan menyertakan bukti sumbangan Tabung Amanah Penyelidikan dan Inovasi UiTM (TAPIU) sepanjang tempoh geran aktif.
- 8.3 Peruntukan tahun kedua hanya akan diberikan setelah menghasilkan sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan berindeks dan membelanjakan sekurang-kurangnya 70% jumlah peruntukan tahun pertama.
- 8.4 Kegagalan memenuhi perkara 8.2 dan 8.3 di atas boleh menyebabkan geran penyelidikan ditamatkan serta merta.
- 8.5 Pihak IRMI akan menghantar surat pengesahan tamat penyelidikan selepas sahaja menerima laporan akhir daripada pihak penyelidik.
- 8.6 Semua perkara di atas adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pemantauan Penyelidikan UiTM.

9.0 ETIKA DAN PEMANTAUAN

- 9.1 Semua penyelidik mestilah mematuhi Etika Penyelidikan dan Kerahsiaan Data.
- 9.2 Penghargaan kepada Geran Penyelidikan Lestari SDGTriangle@UiTM mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

10.0 HASIL PENCAPAIAN PENYELIDIKAN

- 10.1 Kriteria dan petunjuk prestasi utama (KPI) bagi Geran Penyelidikan Lestari SDGTriangle@UiTM terbahagi kepada dua (2) bidang:
1. Sains dan Teknologi
 2. Sains Sosial dan Kemanusiaan
- 10.2 Keberhasilan penyelidikan Geran Penyelidikan Lestari SDGTriangle@UiTM adalah seperti di dalam Jadual 2

Jadual 2: Keberhasilan Penyelidikan

Perkara	Sains dan Teknologi	Sains Sosial dan Kemanusiaan
Kriteria	Setiap geran berjumlah RM30,000	Setiap geran berjumlah RM15,000
Hasil Penyelidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Satu (1) penerbitan berindeks • Satu (1) modal insan (GRA/RA) • Satu (1) penglibatan komuniti • Satu (1) geran penyelidikan baharu (luaran) 	
Sumbangan Hasil Penyelidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Penglibatan komuniti • Pemindahan ilmu dan teknologi • Inovasi (produk dan perkhidmatan) • Keusahawanan • Ketampakan – <i>web/online presence</i> • Inovasi sosial/perusahaan sosial (<i>social enterprise</i>) • Ilmu baharu • Kepakaran khusus • Impak masyarakat 	
Contoh Peluang Geran Penyelidikan Luaran	<ul style="list-style-type: none"> • Contoh geran penyelidikan nasional: <ul style="list-style-type: none"> ➤ Top Glove Corporation Berhad ➤ Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) ➤ Kementerian/Kerajaan Negeri/Institusi Penyelidikan/Agensi Kerajaan dan sebagainya • Contoh geran penyelidikan antarabangsa: <ul style="list-style-type: none"> ➤ UNDP GEF Small Grants Programme ➤ Earthwatch Institute ➤ International Foundation for Science (IFS) ➤ Nagao Natural Environment Foundation ➤ ISESCO-COMSTECH Research Grant ➤ Human Frontier Science Program ➤ Turtle Conservation Fund ➤ Kurita Water and Environment Foundation ➤ Nagao Natural Environment Foundation ➤ Japan Society for the Promotion of Science (JSPS) ➤ National Science Foundation ➤ National Geographic Society Conservation Grant 	